

## **Hala Tuju Pendidikan Teknik dan Vokasional ke arah Memartabatkan Falsafah Pendidikan Negara**

*Azila Binti Dason, Rohana Binti Hamzah, Amirmuddin Bin Udin*

### **ABSTRACT**

*Technical and Vocational Education (TVE) has a variety of innovations in determining the direction parallel with the intention of National Education Philosophy. This article discuss the problems that occur in technical and vocational education system today. It also discusses how far the direction of the Technical and Vocational Education to animate and uplift of the National Education Philosophy. But the desire to elevate the various strategies and changes in technical and vocational education system should be applied. Among them is the approach to developing information technology in the curriculum of Vocational and Technical Education, to make adjustments in the TVE system, consistent involvement of the industry, the development of Skills Training Center and the involvement of all parties involved in order to support its refining. Hopefully this article can provide input to the reader or researcher in searching for solutions in the PTV is in line with the National Education Philosophy.*

*Keywords: Technical and Vocational Education; direction; elevate NEP; innovation*

### **ABSTRAK**

Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) mengalami pelbagai inovasi dalam menentukan hala tuju selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Artikel ini mengupas masalah yang berlaku dalam sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional dewasa ini. Ia juga membincangkan sejauhmana hala tuju dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional dapat menjiwai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam erti kata lain, memartabatkannya. Namun dalam memartabatkan hasrat tersebut pelbagai strategi dan perubahan dalam sistem Pendidikan Teknik dan Vokasioanal perlu diterapkan. Antaranya ialah dengan pendekatan membangunkan penggunaan teknologi maklumat dalam kurikulum PTV, membuat penyelarasan dalam sistem PTV, penglibatan secara konsisten pihak industri, pembangunan Pusat Latihan Kemahiran dan penglibatan semua pihak yang terlibat supaya dapat menyokong pemurniannya. Diharapkan artikel ini dapat memberikan input kepada pembaca atau penyelidik dalam mencari penyelesaian dalam PTV agar ianya selari dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

*Kata kunci: Pendidikan Teknik dan Vokasional; hala tuju; memartabatkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan; inovasi*

### **Pendahuluan**

Semenjak mencapai kemerdekaan 53 tahun yang lalu, sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di Malaysia telah mengalami pelbagai inovasi dalam menentukan perkembangan potensi individu murid selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sistem pendidikan di Malaysia juga telah berubah dan tidak ketinggalan perubahan yang bergitu ketara dalam pendidikan teknik dan vokasional. PTV adalah penting dalam

pembangunan sesebuah negara khususnya jika mahu menjadi sebuah negara perindustrian. Ini tidak terkecuali kepada Malaysia, yang sedang berusaha untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menekankan agar setiap kurikulum yang diajar di sekolah akan melahirkan individu yang seimbang dari segi JERI di samping mengamalkan pendidikan itu secara berterusan dalam kehidupan. Pendidikan merupakan proses pemerolehan dan pemindahan pengetahuan, nilai murni dan pelbagai kemahiran. Proses ini berlangsung secara berterusan dalam diri seseorang sejak kecil hingga ke akhir hayatnya. (Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi – KPM, 2001).

### **Perkembangan Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia.**

Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia diperkenalkan pada tahun 1964 iaitu di bawah Jabatan Pengurusan Teknik kini dikenali sebagai Bahagian Pengurusan Teknik dan Vokasional (BPTV). Tujuannya adalah menyediakan murid-murid untuk memasuki bidang pekerjaan bagi satu langkah mempergiatkan lagi usaha kerajaan untuk memajukan bidang ekonomi dalam perindustrian. Pelajaran Teknik dan Vokasioanal yang dibawah pentadbiran bahagian ini termasuklah:

- 2.1.1 Sekolah Menengah Atas (Tingkatan IV hingga V) – terdiri daripada Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Vokasional yang menyediakan pendidikan teknik, pertanian, perdagangan dan mata pelajaran bidang pekerjaan lain.
- 2.1.2 Politeknik ditubuhkan untuk memberikan latihan kepada juruteknik peringkat pertengahan dalam bidang kejuruteraan dan pegawai kerja muda dalam bidang perdagangan dan keusahawanan.
- 2.1.3 Ia berhubung rapat dengan agensi lain yang berkaitan dengan melatih tenaga kerja mahir dan separuh mahir seperti LKPPK.

BPTV juga terlibat dengan beberapa tugas iaitu;

- 2.2.1 mengawal selia sekolah-sekolah teknik dan vokasional.
- 2.2.2 menguruskan pembangunan sekolah-sekolah teknik dan vokasional
- 2.2.3 menggubal dan mnyediakan kurikulum sekolah-sekolah teknik dan vokasional.
- 2.2.4 memperuntukkan kewangan sekolah-sekolah teknik dan vokasional.

Selain itu juga, bagi menambah bilangan tenaga kerja dalam bidang teknik dan teknologi yang amat diperlukan dalam sektor perkilangan dan perindustrian pada masa kini dan akan datang, Kementerian Pendidikan telah mengambil tindakan penting pada tahun 1995 dengan menggubal Pelan Tindakan Peningkatan Pengeluaran Tenaga Manusia Teknikal yang menyebut bahawa:

*"Pelan Tindakan Pengeluaran Tenaga Manusia Teknikal bertujuan meningkatkan keluaran juruteknik dan jurutera menjelang tahun 2020 dengan menggunakan satu strategi terancang yang radikal bagi menjuruskan pelajar ke bidang teknik semasa di sekolah menengah lagi. Pelan ini melibatkan penawaran mata pelajaran teknikal di beberapa buah sekolah menengah atas serta pengembangan sekolah menengah teknik dan politeknik."*

(Kementerian Pendidikan 1996:45)

Daripada apa yang direncanakan, persoalannya di sini, bagaimanakah pendidikan teknik dan vokasional ini dapat berkembang dengan pesatnya di negara ini?. Adakah apabila ia dilaksanakan, matlamat dan amalan yang ada di dalam rancangannya dapat memenuhi impian Falsafah Pendidikan Kebangsaan?. Untuk mendapatkan jawapan yang lebih jitu perlulah kita mengimbuai kembali sejarah perkembangan PTV di Malaysia.

Menurut Shahril dan Habib (1999), dalam bukunya bertajuk *Isu Pendidikan di Malaysia, Sorotan dan Cabaran* menjelaskan sejarah perkembangan pendidikan teknik dan vokasioanl di negara ini boleh dibahagikan kepada enam peringkat iaitu :

- 2.3.1 Sebelum Perang Dunia Kedua (1900-1940).
- 2.3.2 Semasa Pendudukan Jepun (1941-1945).
- 2.3.3 Selepas Perang Dunia Kedua (1945-1957).
- 2.3.4 Pada awal Kemerdekaan (1957-1969).
- 2.3.5 Pada Tahun 1970-1990.
- 2.3.6 Pada Tahun 1990 hingga kini

### **PTV Sebelum Perang Dunia Kedua (1900-1940)**

Awal abad 1900-an tidak ada dasar mengenai pendidikan teknik dan vokasional di Tanah Melayu. Menyedari kelemahan dan kekurangan tenaga kerja mahir dan separa mahir dalam

PTV ketika itu kerajaan Inggeris telah menubuhkan Jawatankuasa Lemon pada tahun 1918. Ia bertujuan mewujudkan pendidikan teknikal dan perindustrian bagi Negeri-negeri Selat. (Wong Hoy Kee & Ee Tiang Hug, 1975).

Dengan itu tertubuhnya Sekolah Teknik Treacher pada tahun 1906 di Kuala Lumpur bagi melatih juruteknik-juruteknik khususnya bagi Jabatan Kerja Raya dan Keretapi Tanah Melayu. Pada tahun 1942, sekolah teknik ini telah dinaiktaraf ke maktab dan dinamakan Maktab Teknik. Kini Maktab teknik ini telah dinaiktaraf kepada universiti yang dikenali sebagai Universiti Teknologi Malaysia.

Pada tahun 1925, sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan bagi melihat latihan dalam bidang vokasional. Jawatankuasa tersebut diberi nama *The Winsted Committee on Industrial and Technical Education*. Hasil daripada jawatankuasa ini telah tertubuh empat buah sekolah ketukangan dengan tujuan utamanya menyalurkan satu cabang pendidikan bagi pelajar sekolah rendah yang lemah akademik supaya mengikuti bidang vokasional bagi persediaan untuk memasuki alam pekerjaan. Kursus ini mengambil masa tiga tahun. Antara kursus yang ditawarkan ialah bidang mekanik am, elektrik dan pertukangan kayu peringkat asas. Walau bagaimanapun kursus-kursus ini tidak mendapat sambutan daripada pelajar kerana;

- 2.4.1 Sikap masyarakat itu sendiri yang memandang rendah terhadap pekerjaan kolar biru.
- 2.4.2 Peluang pekerjaan amat berkurangan dalam sektor perindustrian kerana Negara masih bergantung kepada sektor pertanian.
- 2.4.3 Ibu bapa masih menitikberatkan kepada pencapaian dalam akademik daripada pendidikan vokasional.
- 2.4.4 Sekolah ketukangan dan kursus yang disediakan dipandang rendah dan hanya sesuai untuk murid-murid sekolah rendah yang pencapaian akademiknya rendah. (Yahya Emat, 1995:3).

### **PTV Semasa Pendudukan Jepun (1941-1945)**

Ketika ini sekolah-sekolah teknik dan pertukangan yang ada terus memberikan pendidikan teknik dan vokasional kepada pelajar dan penduduk Tanah Melayu yang bekerja dalam bidang teknik dan Vokasional.

### **PTV Selepas Perang Dunia Kedua (1945-1957)**

Kejatuhan pemerintahan Jepun telah datangnya semula pihak Inggeris ke Tanah Melayu. Sistem pendidikan dikaji semula dan pada tahun 1950 seorang tokoh pendidikan dari England bernama Barnes Oxford. Beliau telah mencadangkan agar pendidikan vokasional di Tanah Melayu dilengkapi dengan sebuah sekolah Menengah Vokasional Moden dan mengutamakan pelajaran Sains, Seni Perusahaan dan Sains Rumah Tangga (Shahril Marzuki, 1993:48). Namun cadangan ini tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan dana.

Dalam pilihanraya 1955, parti Perikatan telah dipilih untuk berkuasa dan berjanji membentuk satu sistem pendidikan yang sama untuk semua penduduk. Pada tahun 1956 terbentuklah Jawatankuasa Pendidikan yang dikenali sebagai Penyata Razak 1956. Perubahan penting dalam PTV telah diserapkan ke dalam sistem pendidikan kebangsaan dan diberi keutamaan. (Yahya Emat, 1993:4).

### **PTV Awal Kemerdekaan (1957-1969)**

Pada peringkat ini Laporan Rahman Talib telah menjadi Akta Pendidikan 1961. Antara syor-syor yang telah dibuat ialah mengenai sekolah menengah pertukangan dan sekolah menengah teknik hendaklah diwujudkan. Kerajaan telah membuka lapan buah sekolah ketukangan di luar bandar dan akhirnya ditukar kepada sekolah lanjutan kampung tetapi tidak mendapat sambutan kerana sistem tidak menyediakan pelajar menghadapi peperiksaan. Sistem pendidikan Aneka Jurusan telah ditubuhkan pada tahun 1965 bagi sekolah menengah rendah. Pada tahun 1968 pula, tiga buah sekolah teknik telah dibina dengan tujuan menyuburkan kebolehan pelajar dalam bidang kejuruteraan. Di sini, mata pelajaran akademik juga dititikberatkan disamping mata pelajaran teknikal yang ditawarkan. Pendidikan pelajar berorientasikan peperiksaan juga diperkenalkan iaitu Sijil Pelajaran Malaysia. Bagi pelajar yang cemerlang akan berpeluang melanjutkan pelajaran ke Maktab Teknik atau Instiusi Teknologi MARA atau kolej teknikal yang lain.

### **PTV Pada Tahun 1970-1990**

Pada peringkat ini pula, matlamat pendidikan selain membasmi buta huruf, ia juga bertujuan mencapai matlamat ekonomi negara. Oleh itu pada tahun 1970-1989, beberapa sekolah menengah teknik dan vokasional ditubuhkan. Ia bertujuan menampung permintaan pelajar yang berminat dalam sistem PTV. Bilangan politeknik juga semakin bertambah.

### **PTV Pada Tahun 1990 hingga kini**

Pada tahun 1990-an, permintaan memasuki sekolah teknik dan vokasional semakin bertambah. Bukan sahaja daripada golongan pelajar lemah malah sambutan hangat daripada pelajar cemerlang lulusan SRP. Oleh yang demikian, persaingan mendapatkan tempat untuk belajar di sini semakin sengit. Ini kerana kesedaran ibu bapa pelajar bahawa pentingnya pendidikan teknik dan vokasional dalam era negara menuju negara perindustrian, ditambah dengan permintaan guna tenaga yang tinggi. Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan menggubal semula matlamat dan tujuan PTV agar ia dapat menampung kekekurangan yang ada. Tujuan dan objektif PTV ialah:

#### **2.5.1 Pendidikan Teknik**

Tujuannya adalah untuk menyediakan pelajar yang cenderung kepada bidang teknik di peringkat pendidikan menengah atas melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Objektif pendidikan teknik ialah memberikan pendidikan akademik yang seimbang dan menyediakan pendidikan asas dalam bidang sains dan teknologi. (Kementerian Pendidikan Malaysia 1986:50).

#### **2.5.2 Pendidikan Vokasional**

Tujuannya ialah melahirkan pelajar yang cenderung kepada bidang vokasional di peringkat menengah atas. Kursus yang diadakan membolehkan pelajar mendapatkan pengetahuan asas vokasional dan kemahiran bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan sebagai tenaga kerja mahir atau separuh mahir dalam industri.

Pada tahun 1995 pula, beberapa perubahan telah berlaku dalam PTV termasuklah penstrukturan semula 69 Sekolah Menengah Vokasional (SMV) kepada Sekolah Menengah Teknik (SMT). Ini bermakna semua SMV menjadi SMT dan pendidikan vokasional dijalankan oleh agensi kerajaan yang terlibat. Beberapa mata pelajaran teknikal juga telah diubah.

Sorotan daripada sejarah perkembangan PTV, jelas menunjukkan bahawa sistem pendidikan formal PTV adalah penting dan saling melengkapi untuk melatih pekerja mahir dan separuh mahir dalam sektor perindustrian. Oleh itu, dengan pelaksanaan PTV akan

dapat membantu negara mencapai matlamat Dasar Perindustrian Negara dan dapat melahirkan pelajar yang mengamalkan unsur-unsur yang terdapat dalam FPK.

### **Hala Tuju PTV dalam Memartabatkan FPK**

FPK adalah satu impian dan harapan negara dalam menentukan matlamat pendidikan negara terlaksana. Dalam menangani perubahan dan pembangunan yang pesat ini, peningkatan dan pengurusan pengetahuan diri dengan kemahiran dan pengetahuan terkini terus diberi penekanan. Justeru, pendidikan sepanjang hayat adalah selaras dengan hasrat FPK. Jika kita lihat, FPK menekankan perkembangan potensi individu yang dimiliki sejak lahir (keupayaan, bakat dan potensi). Ia dikembangkan melalui interaksi dengan persekitaran dan pendidikan yang berkualiti.

FPK juga menekankan perkembangan potensi secara menyeluruh, bersepadu dan seimbang. Setiap potensi yang dikembangkan harus dihubungkan atau diselaraskan dengan potensi lain supaya perkembangan potensi itu tidak bertentangan antara satu sama lain. Selain itu juga FPK menuntut agar pendidikan dapat melahirkan insan yang seimbang dan harmonis. Ini bermakna insan itu memiliki dan menghayati ilmu pengetahuan, berakhlak mulia, mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang teguh kepada tuhan. Insan itu juga mempunyai fikiran dan jiwa yang tenteram, tubuh badan yang sihat dan cergas serta dapat bekerjasama dengan orang lain. Insan yang seimbang dan harmonis juga memiliki kesedaran, keinsafan tentang tugas dan tanggungjawab, serta sentiasa berusaha untuk melaksanakan tuntutan tersebut sebaik mungkin. Ia memiliki ketahanan diri untuk menghadapi segala cabaran hidup dan sentiasa berikhtiar untuk mengatasi pelbagai masalah. Contohnya insan itu boleh mencari nafkah, menjadi anggota masyarakat yang berguna dan sentiasa berusaha memajukan bangsa dan negara.

FPK itu sendiri dapat mengajak pendidik PTV dan pelajar PTV mengorak langkah melaksanakan pembaharuan dalam sistem PTV yang diamalkan kini. Pada 24 November 2008, Dato' Hj. Yusoff Bin Harun, Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik Dan Vokasional, Kementerian Pelajaran Malaysia telah membentangkan kertas kerja seminar mengenai Hala Tuju sistem PTV yang patut dilaksanakan di Malaysia dengan mencadangkan beberapa strategi untuk menagai isu atau masalah yang terdapat dalam sistem PTV sekarang. Antara masalah yang dibangkitkan ialah kekurangan penglibatan dengan pihak industri, kekurangan warga pendidik yang mempunyai pengalaman dalam bidang industri, kekurangan dana, kekurangan dasar dalam menyokong PTV, gambaran negatif dalam PTV,

gambaran negatif kepada pekerjaan kolar biru, dan kurikulum yang tidak efektif dan fleksibel.

Bil	Masalah	Strategi	Perubahan Sistem PTV
1	kekurangan penglibatan dengan pihak industri	mengadakan hubungan baik dengan industri yang berkaitan PTV	Pembangunan penggunaan Teknologi Maklumat dalam kurikulum PTV juga perlu dibangunkan
2	kekurangan warga pendidik yang mempunyai pengalaman dalam bidang industri	Latihan praktikal guru di industri	Penetapan dalam kemahiran
3	kekurangan dana	Meningkatkan kecekapan pengurusan	Membangunkan kolej-kolej komuniti
4	Kekurangan dasar dalam menyokong PTV	Sokongan pendidikan berterusan: non-formal, memperluaskan perkhidmatan	Pembentukan pejabat didedikasikan khusus untuk PTV
5	gambaran negatif dalam PTV	<i>Artikulasi</i>	Penubuhan Pusat Latihan Nasional, Badan, Peraturan, Dana
6	gambaran negatif kepada pekerjaan kolar biru	Promosikan pendekatan belajar seumur hidup	Penerapan berasaskan kompetensi
7	kurikulum yang tidak efektif dan fleksibel	Meningkatkan kapasiti penyelidikan dan pembangunan	Kelayakan dan sistem pensijilan

**Jadual 1.1 : Masalah, Strategi dan Perubahan Sistem PTV dalam Memperbaiki PTV**

Bagi menyelesaikan masalah ini beberapa pendekatan telah dicadangkan berpandukan pandangan yang telah dibuat oleh SEAMEO dari setiap negara yang terlibat.



Cadangan mengatasi telah dibahagikan kepada strategi pelaksanaan dan perubahan dalam kurikulum PTV. Cadangan-cadangan penambahbaikan itu dapat dihuraikan melalui Jadual 1.1 diatas iaitu Masalah, Strategi dan Perubahan Sistem PTV dalam Memperbaiki PTV. Rumusan dalam bentuk jadual ini telah diubahsuai daripada sumber bahan pembentangan International Forum on Vocational – Technical Education, Hangzhao, China, pada 17 – 20 Nov 2008).

Selain itu terdapat juga beberapa strategi dan pelaksanaan yang perlu dibuat dalam memperkasakan Pendidikan Teknik dan Vokasional. Rajah 1.1 di bawah menunjukkan Strategi Pelaksanaan dalam Memperkasakan PTV.




(Sumber : International Forum on Vocational – Technical Education, Hangzhao, China, 17 – 20 Nov 2008)

**Rajah 1.1 : Strategi Pelaksanaan dalam Memperkasakan PTV.**

Berdasarkan rajah di atas sistem PTV di Malaysia haruslah melalui inovasi yang terancang. Antara strategi yang perlu diambil ialah menambahkan lagi enrolmen atau pengambilan pelajar dalam bidang vokasional dan kemahiran, memperkenalkan Sekolah Asas Kemahiran, memperkasakan kurikulum PTV, peningkatan hubungan industri dan badan profesional, memperkasakan *School Enterprise* serta membuat penyelarasan pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Teknologi Malaysia (KPTM).

KPM juga perlu menggubal kurikulum baru dalam PTV seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.2 di bawah.



(Sumber : Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasioanal, KPM:2008)

**Rajah 1.2 : Hala Tuju PTV Akan Datang**

Berdasarkan rajah, pelajar lulusan Sekolah Menengah Teknik (SMT) akan melalui transformasi dalam aliran yang sedia ada. PTV dibahagiakan kepada tiga peringkat mengikut aliran. Jika kini kategori profesional di bawah aliran teknikal menggunakan sistem SPM, akan datang ia akan menggunakan pensijilan jenis "Dual Certification" iaitu SPM ditambah dengan kelulusan profesional. Manakala kategori separa profesional dalam aliran vokasional yang menggunakan sistem SPM akan bertukar kepada pensijilan jenis "Dual Certification" iaitu SPM ditambah dengan SKM. Seterusnya bagi kategori pekerja mahir dalam aliran kemahiran, SKM akan ditukar kepada program *Multi Skilling*.

Oleh yang demikian, semua para pendidik PTV disarankan agar dapat menyokong perubahan-perubahan yang telah dirancang dan bakal dilaksanakan dalam sistem PTV. Menurut Yusoff (2008), apa yang diharapkan adalah misi dan visi kurikulum PTV haruslah tepat dan cantik, strategi memperkasakan PTV sesuai dengan keperluan semasa, langkah-langkah yang diambil menepati keperluan SEAMEO, dan *roadshow* penerangan perlu dijalankan kepada pengetua, penolong kanan, kaunselor, guru PTV serta para pelajar. Guru-guru adalah pemain utama dan adalah nadi perjuangan kita bersama demi anak bangsa.

*“Profesionalisme guru adalah kunci kepada peningkatan kualiti dan kejayaan usaha kita memperkasakan PTV. Kualiti yang dimaksudkan bukan sahaja kepada kualiti proses malah yang lebih utama ialah kualiti outputnya (hasil).”*

(Yusoff,2008)

Isu terkini, negara digemparkan dengan rombakan yang berlaku dalam sistem PTV. Dalam kenyataan Menteri Pelajaran Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin, memberitahu media bahawa rombakan ini bagi membolehkan pelajar mengikuti aliran vokasional lebih awal selepas UPSR. Langkah itu adalah selaras dengan sasaran Rancangan Malaysia Ke-10 untuk memastikan 20 pratus pelajar mengikuti aliran vokasional berbanding 10 peratus pada masa kini. Kemasukan pelajar awal dalam bidang kemahiran menjadikan mereka lebih lama dalam bidang tersebut dan menjadikan mereka lebih mahir dalam bidang yang mereka minati. (Bernama, 25 September 2010).

## **Kesimpulan**

Pendidikan Teknik dan Vokasional menjadi teras dalam membangunkan potensi individu seperti yang dihasratkan dalam Misi Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu membangun sistem pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia bagi memperkembangkan potensi individu dan memenuhi aspirasi negara Malaysia. FPK juga menekankan tentang tanggungjawab individu demi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Sejarah perkembangan PTV sehinggalah hala tuju yang dihasratkan oleh kerajaan dalam PTV dilihat dapat memartabatkan Falsafah Pendidikan Negara. Segala amalan individu yang terdapat dalam sistem PTV selari dengan kehendak FPK dan kesedaran sendiri individu dapat dipupuk. PTV juga mengamalkan kemahiran-kemahiran yang boleh diguna pakai dalam kehidupan seharian dalam mencorak pendidikan sepanjang hayat.

Memperkasakan PTV dalam memartabatkan FPK perlulah ditanam dalam jiwa pendidik PTV dan para pelajar yang mempelajari ilmu PTV. Moga dengan perkaitan ini setiap individu yang terlibat dalam PTV akan dapat mencari kebenaran, dari kebenaran untuk kebenaran dalam setiap amalan yang dilakukan dalam sistem PTV. Hal ini demikian membentuk individu yang patuh kepada perintah agama dan tuhan sekaligus tidak membenarkan diri mereka, orang lain dan persekitarannya dizalimi. Jelas di sini, sistem PTV dapat membentuk jati diri individu agar menjadi seorang pemimpin dan khalifah dimuka bumi ini. Jika direnung Sabda Rasulullah S.A.W yang mafhumnya;

*"Barangsiapa yang amalannya hari ini lebih baik dari semalam; dia adalah orang yang beruntung. Barangsiapa yang amalannya hari ini sama dengan yang semalam, dia adalah orang yang rugi. Dan barangsiapa yang amalannya hari ini lebih buruk dari hari semalam, dia tergolong orang yang dilaknat Allah S.W.T."*

(Sabda Rasulullah S.A.W,  
Sumber dari web site : <http://www.slideshare.net>)

## Rujukan

Kementerian Pendidikan Malaysia (1992), *Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), *Laporan Jawatankuasa Pusat Perkembangan Kurikulum*, Kuala Lumpur, Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1980), *Laporan Jawatankuasa Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*, Kuala Lumpur, (Laporan Kabinet).

Kementerian Pendidikan Malaysia (1987), *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur. Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2001), *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi*. Kuala Lumpur. Pusat Perkembangan Kurikulum.

Shahril (1992), *Peranan Pendidikan Dalam Memenuhi Wawasan 2020*, dalam Jurnal Guru, keluaran 4, 16 Mei 1002.

Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som (1999), *Isu Pendidikan di Malaysia, Sorotan dan Cabaran*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.

Yusoff Bin Harun. "Hala Tuju Pendidikan Teknik dan Vokasional". Kertas dibentangkan di International Forum on Vocational – Technical Education, Hangzhao, China. 17 – 20 Nov 2008.

Bernamea (2010). *Sistem Pendidikan vokasional dirombak, kata Muhyiddin*. Dicapai pada 27 September 2010. Daripada <http://www.themalaysianinsider.com>